



KADZI BESAR BRUNEI DI-ARAK MENJADI PENERAN SHAHBANDAR SBL BANDAR

YANG Berhormat Mulia Pengeran Haji Mohammad Salleh D.P.M.B., P.O. A.S., M.S.C., jawatan beliau sabagai Kadzi Besar Negeri Brunei telah di-arak menjadi Pengeran Shahbandar Sahibul-Bandar Haji Mohammad Salleh, istiadat-nya berlangsung pada 12hbl August, 1958 di-Lapau Diraja Bandar Brunei. Gelaran yang di-anugerahkan kepada beliau itu ia-lah gelaran Kapala Cheteri Negeri Brunei.

Empat belas hari sebelum perarakan itu berlangsung sudah mulai di-balai beliau istiadat gendang jaga-jaga bagitu pun berjaga-jaga sebaya dengan itu juga di-mulai sachara adat istiadat Diraja Brunei asli. Pada tiap2 malam ramai di-antara kalangan orang2 Brunei datang berkunjung ka-sana beramai2 meraikan istiadat tersebut.



Yang Amat Mulia Pengeran Shahbandar Sahibul-Bandar Haji Mohammad Salleh D.P.M.B., P.O.A.S., M.S.C.; Kapala Cheteria bagi Negeri Brunei.

Antara perjaga'an2 yang telah di-tunjukkan tetamu2 termasuk panchak silat, bermain chator dan bernaindong. Kerabat2 Diraja, Pehin2, Pegawai2 Kerajaan dan orang ramai yang terdiri dari segala bangsa telah hadir bersama menambahkan meriahnya suasana berjaga-jaga.

Terus menerus sahingga ka-hari perarakan orang datang semakin ramai. Pada awal siang 12hbl August itu, ia-itu pada hari perarakan orang ramai sudah berduyon2 datang ka-rumah beliau menyiapkan segala kesiapan Diraja seperti Usongan, kenai-kan dan segala alat kebesaran Diraja mengikut adat istiadat keaslian Bruneiturun temurun.

- bersambung ka-muka 6 -

AHLI2 MMN MELAWAT PADANG MINYAK

Kechuali Duli Yang Maha Mulia Sultan, semua Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei akan melangsungkan satu lawatan mereka yang resmi ka-Padang Minyak, Seria pada 27hbl August akan datang ini. Lawatan mereka itu ia-lah atas jemputan dari Sharikat Minyak Brunei.

Mereka akan pergi ka-Seria dengan kapal terbang melalui Lapangan Terbang Brunei dan Padang Kapal Terbang di-Anduki, dan akan bertolak pada jam 9.00 pagi 27 hbl August itu dengan kapal terbang Sharikat itu sendiri. Mereka akan balek ka-Bandar Brunei pada hari itu juga, dan dengan kapal terbang yang sama.

ANTARA ISI2-NYA

- @ Bangunan Miri C'nity
- @ Kanak2 yang akan memasuki Sekolah2 Inggeris
- @ Pertunjukan Tanam2an
- @ Perangku2 (stamps) Mesjid baru
- @ Bergelar
- @ Pinggan mangkok dari Hongkong
- @ Pemenang Dermasiswa B.U. melawat Seria.

SENAMAN DAN PERMAINAN ANTARA SEKOLAH2 DAERAH BRUNEI, SMJA MENGGUNDUL HADIAH2 -

Pada 10hbl yang baharu lalu ini telah di-langsungkan perlawanan senaman dan permainan antara sekolah2 di-daerah Brunei yang berjumlah 22 buah pasokan.

Dalam perlawanan itu telah di-dapati Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei telah menggundul hadiah2; champoran markah senaman dan permainan SMJA "A", "B" dan "C" telah mendapat tempat2 yang pertama, kedua dan ketiga. Senaman sahaja telah di-menangi oleh SMJA "B".

DARJAH URUSAN RUMAH TANGGA DI-TUTUP, BERCHUTI

Darjah Urusan Rumah tangga bagi wanita2 dewasa di-Bandar Brunei, hari ini mulai di-tutup kerana berchuti. Penutupan darjah ini hingga 2hbl September, 1958.

Penuntut2 darjah ini dengan ini ada-lah di-maklumkan supaya mengambil ingatan dan bahawa darjah ini akan semula di-buka pada 3hbl September, 1958.

Bahagian pasokan peremouan Sekolah Melayu RIF, Bandar Brunei "A" telah mendapat markah yang tertinggi sekali baik dalam senaman sahaja mau pun champoran markah senaman dan permainan.

Berikut-mya bahagian lelaki, dalam perlawanan sahaja Sekolah Melayu Berakas mendapat tempat yang kedua dan ketiga SMJA "C".

Bahagian kanak2 perempuan yang mendapat tempat kedua dan ketiga baik dalam senaman sahaja maupun champoran markah senaman dan permainan ia-lah Sekolah Melayu Sengkurong dan Sekolah Melayu Berakas. Perlawanan berlangsung dengan disaksikan oleh ramai para ibu bapa dan orang2 luaran (ramai).

Apakah itu yang di-gelarkan berkhidmat kepada rakyat?

AKLAN - UNTOK MEMASOKI BELAJAR DI-SEKOLAH2 INGGERIS

Untok memasoki belajar di-sekolah2 Inggeris di-Negeri Brunei pada bulan January tahun hadapan, murid2 hendak-lah tamat darjah 4 dalam sekolah2 Melayu Kerajaan dan berumur tidak lebih dari 13 tahun. Demikian Jawatan Kuasa Dermasiswa Pelajaran Kerajaan Brunei memaklumkan.

+++++

PEMBUKA'AN RESMI MIRI COMMUNITY HALL

Di-letakkan di-Miri untok di-jadikan sa-buah bangunan untok pergumpulan ramai, bangunan yang berbentok baru, hanya ini-lah satu bangunan yang berbentok mula2 sekali di-dirikan di-Negeri Sarawak. Besok bangunan yang chantek ini akan di buka dengan resmi-nya oleh Isteri Tuan D.R. Gribble.

Dengan sachara besar-besaran bangunan ini di-buka di-ikuti ^{dengan} hidangan cocktail party. Dalam istiadat pembuka'an itu ramai para jemputan di-jangka akan hadir menyaksikan-nya.

Berikut-nya akan diadakan juga pertunjukan2 di-atas pentas, saperti bunyian2 klasik China dan Melayu dan cherita2 pindek.

Tiga hari berturut2 istiadat itu berjalan dengan beberapa pertunjukan2 yang di-lakukan oleh para pelakon terkhas yang akan di-tujukan kepada ramai dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

Guru2 Besar dan juga guru2 yang mengajar di-sekolah2 tersebut hendak-lah mengambil ingatan tentang ini. Murid2 itu juga hendak-lah ada mempunyai surat beranak dan ini akan di-berikan waktu di-kehendaki.

Ramai bilangan murid2 yang hanya akan dapat di-terima pada tahun hadapan ini ia-lah 240 orang; murid2 yang mendapat markah tertinggi dari darjah 4 dalam peperiksaan tahun 1958 hanya akan di-pileh.

Murid2 dari sekolah2 China yang juga tamat darjah 4 akan di-pileh supaya berpeluang memasoki sekolah2 Inggeris Kerajaan mengikut tingkat kejayaan-nya.

Bagi pehak murid2 Melayu yang tidak berpeluang memasoki sekolah2 Inggeris Kerajaan kerana markah2-nya rendah dalam peperiksaan darjah empat boleh-lah menghantarkan permohonan terus kepada sekolah2 Mission. Apakala mereka di-terima nanti oleh pehak sekolah2 itu maka bayaran sekolah itu boleh-lah memohonkan kepada Chief Inspector of Malay Schools untok Kerajaan akan membayarkannya.

Pada malam pembuka'an resmi itu, para penuntun hanya dapat menyaksikan atas surat jemputan yang dikeluarkan oleh Konsol Daerah Bandaran Miri.

Bangunan tersebut di-gunakan untok berbagai2 yang memberikan orang ramai memperolehi ilmu pengetahuan.

PERTUNJOKAN TANAM-TANAMAN KE XII BAGI NEGERI BRUNEI - 1958

di-Bawah Naungan DYMM dan YB British Resident Brunei - -

"Pertunjukan tanam2an di-tubuhkan untuk beberapa sebab". Demikian Doktor W.N. Scott, selaku Penasehat Tanam2an Brunei apakala membuka kata sambutan beliau sabagai 'kata aluan' antara lain. Saterus-nya beliau mengatakan bahawa pertunjukan ini ada-lah membangunkan semangat bertanding antara pekebun2 dan di-samping itu berlaku pertukaran2 fikiran antara satu dengan lain dalam chara berkerja. Waktu itu juga dapat di-persaksikan bagaimana satu2-nya melakukan sasuat perkerja'an, kata Dr Scott.

Pertunjukan Tanam2an kali yang ke xii ini akan di-langsungkan pada 22hbl August, 1958 akan datang ini, bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal ul-Alam, Brunei di-Jalan Tasek. Istiadat pembuka'an resmi pertunjukan ini akan di-lakukan oleh DYMM Raja Isteri tepat pada jam 10.15 pagi hari itu. Salepas itu orang ramai ada-lah di-jemput menyaksikan-nya, dan ada juga antara-nya barang2 di-tunjokkan itu agak boleh di-jual.


Sabelum siang 22hbl August itu ia-itu pada malam 21hbl August satu tayangan wayang gambar bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah akan di-tunjokkan kepada orang ramai. Gambar yang menunjukkan bagaimana manusia meleborkan musoh2 tanam2an itu telah di-pinjamkan oleh Sharikat Minyak, khas untuk di-tunjokkan antara ranchangan2 yang lain.

Berbagai2 rupa jenis barang2 akan dapat di-lehat dalam pertunjukan ini, antara-nya ia-lah hasil2 tanam2an seperti buah2an, daun2nan; binatang2 terenak seperti ayam itek dll; pertukangan2 seperti barang2 yang di-buat dari perak, kayu, tembaga, tanah dan perkakas tenunan Brunei. Semua-nya ini ada-lah hasil daripada orang2 kampung dan dari Pejabat Pertanian sendiri.

Dari sekolah2, pejabat2 dan perusaha'an2 akan juga di-pertunjokkan berbagai2 perkakas hasil dari kerja2 yang di-lakukan oleh masing2-nya, sama ada khas untuk di-pertunjokkan maupun merupakan churak khidmat satu2 bahagian itu.

Di-fahamkan bahawa pertunjukan tahun ini ada-lah akan bertambah meriah sambutan-nya, begitu pun barang2 yang di-tunjokkan ada jauh lebeh banyak dari tahun yang sudah2.

Bagitu-lah saterus-nya harapan penoh Pegawai Pertanian Negeri, Brunei, Inche' Hamiddoon bin Awang Damit, akan terus menerus lebeh meriah dan lebeh menarek perhatian.



PERANCHAH YANG TERTUA

Gambar yang tertera di-sabelah ini ia-lah direk (peranchah) yang tertua sekali, yang pertama sekali di-dirikan di-Borneo British. Masih berdiri gagah dan masih mengeluarkan hasil minyak tanah sehingga sekarang. Di-sini-lah telaga minyak pertama sekali di-dapati di-Borneo British, dan di-sini-lah juga asas penghasilan minyak tanah untuk keguna'an sabahagian dunia.

Peranchah ini telah di-dirikan dalam tahun 1910.

Gambar ini di-ambil waktu Yang Teramat Mulia Duli Pengeran Pemancha dengan rombongan tuanku melawat ka-situ baharu2 ini.

Di-kaki peranchah itu, kelihatan rombongan tuanku itu sedang berbual2 dan sedang memerhatikan di-sekeliling tempat itu.

PERANGKU2 BARU MENGINGATI PEMBUKA'AN MESJID BARU BANDAR BRUNEI.

Bagi mengingati pembuka'an resmi Mesjid Baru Bandar Brunei; istiadat-nya akan di-langsungkan pada 26hb1 September akan datang ini maka beberapa perangku2 (stamps) baru akan di-jual kepada ramai di-Pejabat2 Pos seluruh Negeri Brunei pada 24hb1 September, 1958.

Perangku2 baru yang akan di-dapati di-sana gambar Mesjid Baru itu berharga 8, 15 dan 35 sen ia-itu perangku2 yang akan di-gunakan di-antara Brunei dengan Singapura dan juga Persekutuan Tanah Melayu dan bagi dalam negeri. Boleh juga di-gunakan bagi mengirim surat2 pos udara untuk di-luar negeri.

Di-samping pemandangan Mesjid pada perangku2 itu juga akan di-dapati wajah Duli Tuanku Yang Maha Mulia Sultan di-sudut sabelah kanan. Yang 8-sen berwarna hijau, 15-sen berwarna merah dan yang 35-sen berwarna ungu manis manakala Mesjid hitam-puteh.

-- sambongan dari muka depan --

Pada hari perarakan itu, ramai segala pembesar dan ketua2 pejabat datang hadir ka-Lapau kerana menyaksikan istiadat penganugerahan nama. Duli Yang Maha Mulia Sultan, kedua wazir baginda dan Tuan British Resident juga ada bersama2 hadir dengan berpakaian keaslian Brunei.

Sabaik sahaja rombongan bekal Pengeran Shahbandar itu tiba di-Lapau, maka bekal Pengeran Shahbandar itu pun di-sambut mengikut istiadat Diraja lalu menuju tempat ia akan menerima gelaran itu.

Chiri telah di-bachakan oleh Pehin Khatib Haji Metali. Setelah istiadat berziarah di-jalan akan maka Pengeran Shahbandar itu pun di-usong balek ka-rumah-nya.

Hari ini istiadat Makan Do'a Selamat genap tiga hari selepas penjunjongan nama di-adakan di-rumah Pengeran Shahbandar Sahibul-Bandar Haji Mohammad Salleh. Demikian kita di-fahamkan.

— — — — —

Cherita:

PENGERAN BENDAHARA SAKAM di-pantaskan

Bagi menyambut peraya'an2 Negeri yang akan di-adakan pada penghujung bulan September akan datang ini maka atas satu badan yang di-anjorkan oleh Persekutuan Murid2 Tua Melayu Brunei, badan ini akan mempersembahkan satu babak cherita yang bernama PENERAN BENDAHARA SAKAM, akan di-pantaskan salah satu sambutan pada hari2 peraya'an tersebut.

Cherita ini ia-lah berdasarkan tawarikh Negeri Brunei mengingatkan kepada zaman yang silam waktu mana Brunei maseh suchi rumaja berpemerintahan sendiri. Pengeran Bendahara Sakam ia-lah sa-orang pembesar Brunei yang paling mengkagumkan dunia luar atas kegegahan-nya dan kehendalan-nya tahu seluk belok menjaga ketenteraman negeri. Zaman itu Brunei di-perintah oleh Sultan Saiful-Rejal, Sultan yang ke7 bagi Negeri Brunei.

Cherita ini di-bongkar dan di-susun oleh Zul Kiflie sa-orang kaki tangan di-Pejabat Penerangan dan juga menjadi salah sa-orang anggota Jawatan Kuasa Persekutuan tersebut. Pementasan cherita ini akan di-arahkan oleh A. Wahab Mohammad dari Pejabat Supplies dan di-bantu oleh Awangku Tengah dari Pejabat Kehutanan dan juga oleh penyusun cherita tersebut sendiri. Salain dari itu berbagai2 peraduan malam anekawarna juga akan di-adakan.

TERIMA KASEH SEMUA

Yang Amat Mulia Pengeran Shahbandar Haji Mohammad Salleh dengan penoh sukachita menguchapkan satinggi terima kaseh kepada semua yang telah menyombangkan susah payah dan kerja keras mereka bagi menyelenggarakan istiadat berarak bagi diri pengeran, istiadat berlangsung pada 12hbl August yang lalu, bukan saja kepada orang2 dalam negeri bahkan juga orang orang luar negeri.

Khas kepada Haji Abdullah dan anak2 kampung-nya, Pengeran sangat2 menghargakan susah payah-nya kerana telah mengadakan berbagai2 permainan terus menerus dari sejak istiadat gendang jaga-jaga di-mulakan.

Atas hadiah2 yang telah di-hadiahkan oleh orang2 yang bermurah hati itu, juga Pengeran Shahbandar tidak lupa melanjutkan terima kaseh-nya, malahan sangat2 diperhargakan dan akan menjadi kenang2an selama-nya. Biarlah ini di-pulangkan saja kepada Allah yang maha tinggi akan membalas-nya atas budi baik dan penyanjongan mereka2 yang murah hati itu. Demikian Pengeran Shahbandar melalui kita.

PINGGAN MANGKOK DI-BELI DARI HONGKONG, KAPAL TERBANG KHAS

Kerana akan mengadakan de- AKAH MEMBAWA-NYA KA-BRUNEI
ngan sachara besar2an bagime-
resmikan pembuka'an-nya Mesjid Baru Bandar Brunei yang sek-
arang dalam menyiapkan dan membersehhkan kawasan-nya, pembu-
ka'an resmi-nya akan segera di-langsungkan pada penghujung
bulan September akan datang ini dan bagitu pun segala alat2
persiapan bagi menyelenggarakan istiadat pembuka'an itu se-
dang di-jalankan dengan giat dan di-halusi. Antara persia-
pan2 segala pinggan mangkok untok jamuan2 kerana-nya sudah
pun di-beli dari Hongkong.

PENUNTUT2 BORNEO UTARA YANG MEMENANGI DERMASISWA SHELL

Seramai 21 orang penun-
tut2 dari Borneo Utara te-
lah dapat memenangi derma-
siswa Sharikat Minyak. Me-
reka itu telah menerima
jemputan dari pihak Shari-
kat tersebut kerana melawat
ka-Padang Minyak di-Seria.

Atas jemputan itu mere-
ka telah melangsungkan sa-
tu lawatan mereka ka-Seria
sejak 12hbl hingga 14hbl A-
ugust yang lalu.

Menamani mereka telah
juga pergi beberapa orang
wartawan dari Borneo Utara.
Penuntut2 telah di-ketui
oleh Mr F.G. Whelan dari
Jabatan Pelajaran Borneo
Utara, manakala para warta-
wan di-ketuai oleh Yang
Berhormat Mr Donald Steph-
ens ia-itu penerbit dan pe-
ngarang akhbar "The North
Borneo News and Sabah Times"
merangkap Ahli Majlis Mash-
uarat Undang2 B o r n e o
Utara.

Duli Yang Maha Mulia Sultan
telah pun memesankan segala
pinggan mangkok ka-Hongkong,
yang berungkus sabanyak \$84,
626.00, termasuk gelas untok
minuman.

Barang2 ini semua-nya telah
di-buat khas bagi keguna'an2
Negara dan dari-itu flengan di-
bentok mengikut warna Bendera
Brunei ia-itu Warna2 kuning,
puteh dan hitam.

Barang2 ini di-jangka akan
sampai ka-Brunei pada 18hbl
August akan datang ini dengan
kapal terbang yang khas di-
sewa untok membawa-nya oleh
Keraja'an Brunei dari Hongkong.
Kapal terbang ini akan mendar-
at di-Lapangan Terbang Brunei
di-Berakas pada kira2 jam 4.30
petang hari itu.

MURNI MELODY MAKERS - - -

"Murni Melody Makers" telah
di-daftarkan sabagai sa-buah
badan yang sah di-bawah un-
dang2 yang tertentu.

oooo O oooo

Berbagai-bagai makloman:

PINTU GERBANG KEPUTERA'AN

Antara sambutan Hari Kepu-
tera'an DYMM tahun ini di-ada-
kan pertandingan PINTU GER-
BANG terbuka kapada pejabat2
Keraja'an, persekutuan2, se-
kolah2, kampong2, konteriktor
konteriktor dan seumpama-nya.
Dengan penyiaran ini yang ber-
kena'an ada-lah di-seru supa-
ya mengambil bahagian.

Hadiah2 akan di-berikan
kapada pintu2 gerbang yang
chantek. Segala perhubungan
boleh-lah di-buat kapada Ja-
watan Kuasa Pintu Gerbang di-
Pejabat Penerangan Brunei.

NOMBOR LISEN BESIKAL BARU

Nombor2 lisen besikal dari
bilangan 1 hingga 1,000 di-
minta supaya d i - t u k a r
dengan lisen2 baru di-Pejabat
Bandaran di-Bandar Brunei ti-
dak lewat hingga 6hbl Septem-
ber akan datang ini.

Orang2 yang memiliki besi-
kal bernombor tersebut harap
mengambil ingatan.

PERADUAN2 MALAM GEMBERA

Pada malam2 gembera yang
akan di-adakan waktu menyam-
but Hari Kelahiran Sultan akh-
ir bulan akan datang ini ber-
bagai2 peraduan akan di-ada-
kan terbuka kapada orang ra-
mai dan budak2 sekolah.

Peraduan2 itu ia-lah: Me-
nyanyi, membaca sajak, paka-
ian beragam, sharahan (bagi
budak2 sekolah sahaja), bagi
hadzrah, lawak jenaka, mamba-
cha sha'er dan lagu2 Brunei
asli ada-lah terbuka kapada
orang2 dewasa saja.

PERADUAN BERCHUCHUL

Sabagaimana tahun lalu ta-
hun ini juga akan di-adakan
peraduan berchuchul laut dan
darat terbuka untuk ramai.
Ini di-bahagi kapada dua bah-
agian ia-itu api literik dan
minyak gas.

PENOLONG RESIDENT BARU

Tuan W.I. Glass telah di-
lantek menjadi Penolong Re-
sident di-Brunei mulai dari
11 hbl August, 1958.

Mulai dari tarikh itu juga
beliau juga memegang jawatan
sabagai Hakim Kelas Satu.

SENAMAN DAN PERMAINAN ANTARA DAERAH2, BRUNEI

Peraduan Senaman dan Permai-
nan antara daerah2 Negeri Bru-
nei bagi sekolah2 Melayu akan
di-langsungkan pada 22hbl Sep-
tember, 1958 bertempat di-Pad-
ang Pekan Brunei.

Senaman akan di-jalankan pa-
da sebelah pagi hari itu dan
permainan pada sebelah petang-
nya.

Sekolah2 yang berjaya mema-
soki perlawanan ini ia-lah:

Pasokan kanak2 lelaki - Se-
kolah Melayu SMJA, Bandar Bru-
nei; Sekolah Melayu Berakas,
Daerah Brunei; Sekolah Melayu
Muda Hashim, Daerah Tutong; Se-
kolah Melayu Ahmad Tajuddin,
Daerah Belait dan Sekolah Mela-
yu Sultan Hassan, Daerah Tem-
burong.

Pasokan kanak2 perempuan -
Sekolah Melayu RIF, Bandar Bru-
nei; Sekolah Melayu Sengkulong,
Daerah Brunei; Sekolah Melayu
Muda Hashim, Daerah Tutong; Se-
kolah Ahmad Tajuddin, Daerah
Belait dan Sekolah Melayu Sul-
tan Hassan, Daerah Temburong.

BERGELAR MENJADI PENGARAH HARI I N I

Hari ini telah di-langsung-
kan istiadat bergelar atas di-
ri Haji Abdullah bin Pengarah
Perseh di-anugerahi nama men-
jadi Pengerah Haji Abdullah.

Istiadat menggelar bertempat
di-Lapau Diraja, Bandar Brunei,
dan telah di-hadziri oleh pe-
gawai2 menteri, Ugama dan lain2.